

## **PERSEPSI DAN KESEDIAAN BELIA TERHADAP HUBUNGAN ANTARA AGAMA DI SELANGOR DAN PULAU PINANG**

**SARJIT S. GILL, AHMAD TARMIZI TALIB, MOHD RAZALI HARUN & RAZALEIGH MUHAMAT @ KAWANGIT**

### **ABSTRAK**

*Makalah ini membincangkan persepsi dan kesediaan belia terhadap hubungan antara agama di Semenanjung Malaysia. Realitinya, hubungan etnik dan agama di Malaysia mempunyai perkaitan yang sangat rapat. Ini kerana pengenalan sesuatu etnik sering ditonjolkan bersama agama yang dianuti. Maka, sekiranya berlaku konflik agama ia tidak terkecuali untuk dibincangkan aspek etnik secara bersama. Kajian ini dijalankan di dua negeri, iaitu Selangor dan Pulau Pinang kerana kedua-dua negeri ini sering mengalami masalah hubungan agama dan etnik sejak kebelakangan ini. Kajian ini melibatkan seramai 500 responden dalam kalangan belia yang berumur antara 18 hingga 40 tahun. Pemilihan responden adalah secara pensampelan mudah. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dan kaedah pengumpulan data menggunakan soal selidik. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti belia mempunyai persepsi yang positif terhadap hubungan antara agama. Selain itu, majoriti belia mempunyai tahap kesediaan yang sederhana dalam memahami agama lain.*

**Kata Kunci:** Hubungan antara Agama, Belia, Persepsi, Toleransi, Hubungan Etnik

### **ABSTRACT**

*This paper discusses the relationship between perceptions and readiness of youth towards the inter-religious relations in Peninsular Malaysia. In reality, ethnic and religious relations in Malaysia have very close relationship. This is because an ethnic identity is often highlighted with religion. Therefore, in the event of conflict, there will be no exception to the ethnic aspects discussed jointly. This study was conducted in two states, namely Selangor and Penang as these two states often experience issues on religious and ethnic relations in recent years. 500 youth respondents aged between 18 to 40 years participated in this study. Selection of respondents was based on simple random sampling. This study used a survey technique for its data collection. The results showed that majority of youth have positive perception on the inter-religious relations and majority of youth too have moderate levels of readiness to understand other religions.*

**Keywords:** Inter-Religious Relations, Youth, Perception, Tolerance, Ethnic Relations

## PENGENALAN

Negara bekas tanah jajahan, seperti Malaysia dan Indonesia, sentiasa berdepan dengan cabaran membina *unity in diversity* yang tertampil dalam fenomena sosial yang lebih dikenali sebagai ‘kepelbagaian.’ Fenomena ini menonjolkan perbedaan, kelainan, malah sering diungkapkan sebagai keunikan (Shamsul, 2014). Hakikatnya, Malaysia telah melalui beberapa peristiwa hitam yang memberi kesan jangka panjang kepada kehidupan masyarakat pelbagai etnik ini. Antara peristiwa kekeruhan hubungan etnik yang sering ditonjolkan ialah peristiwa berdarah 13 Mei 1969 (Shamsul, 2008), yang mana ia tercetus ekoran Pilihanraya Umum Ke-3 pada 10 Mei 1969. Peristiwa Kampung Medan telah menghidupkan kembali kenangan pahit yang dialami ketika terjadinya peristiwa 13 Mei 1969 (Kamaruddin, 2002). Selain Peristiwa Kampung Medan, terdapat kes Maria Hertogh di Singapura pada tahun 1950 dan insiden yang kecil seperti isu perarakan kepala lembu di Selangor dan meletakkan kepala khinzir dalam masjid di Kuala Lumpur (Rahimin et al., 2011).

Jelasnya, perbezaan budaya dan agama antara kumpulan sering menjelaskan hubungan etnik di Malaysia kerana banyak isu lapuk tidak diselesaikan secara perundangan. Antara isu yang masih belum selesai ialah kes murtad, perkahwinan di antara agama dengan kedudukan status anak bagi mereka yang baru memeluk dan yang keluar dari Islam (Mansor, 2010). Selain itu, terdapat beberapa peristiwa yang berlaku sehingga mengancam keselamatan di rumah-rumah ibadat yang lain. Misalnya, Insiden membakar gereja Metro Tabernacle di Desa Melawati, Kuala Lumpur (Mstar, 2010). Selepas itu, sebuah lagi gereja di Seremban dibakar dan dipercayai ia perbuatan khianat (Mstar, 2010). Di samping itu, isu penggunaan kalimah Allah juga menjadi satu isu yang hangat apabila pihak gereja menuntut untuk turut menggunakan dalam kehidupan seharian.

Isu-isu lapuk yang belum diselesaikan ini akan lebih membarah sekiranya tidak diselesaikan secepat mungkin. Yang pasti, pelbagai isu konflik antara agama yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini akan memberi kesan jangka masa panjang dan cabaran yang kompleks terutama kepada golongan belia yang bakal menjadi pemimpin pelapis pada masa akan datang. Apakah golongan belia masa kini benar-benar bersedia untuk memahami kepelbagaian agama di Malaysia? Apakah persepsi mereka terhadap hubungan antara agama? Semua persoalan tersebut perlu dirungkai supaya negara mampu melahirkan golongan belia yang matang dalam menangani sifat kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat Malaysia.

## TINJAUAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian yang perlu diberikan perhatian dalam kajian hubungan agama khasnya di Malaysia. Kajian Mahfuzah (2014) memberi fokus kepada aktiviti dialog antara agama yang dijalankan di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya. Kajian tersebut mengupas bentuk pelaksanaan aktiviti dialog

antara agama, iaitu program yang dilaksanakan secara berterusan seperti program Mosque Tour Guide (MTG) dan program secara terancang. Beberapa tema yang menjadi topik dalam dialog tersebut ialah isu kemanusiaan, sokongan moral dan kebijakan, konsep kenabian dan ibadah dalam Islam. Selain itu, kajian tersebut menjelaskan bentuk cabaran yang dihadapi dalam menjayakan dialog di masjid, iaitu kekurangan tenaga sukarelawan yang boleh dan fasih berkomunikasi, bahan penerbitan yang terhad dan penyelarasannya di pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) masih di peringkat permulaan. Namun begitu, pengkaji seharusnya perlu mendapatkan pandangan yang lebih mendalam dari kalangan peserta bukan Islam. Ia penting untuk menilai persepsi peserta bukan Islam tentang dialog antara agama yang diadakan di masjid, sekaligus menganalisis secara adil dan seimbang kejayaan dan kegagalan sesuatu program dialog antara agama yang dianjurkan.

Kajian Mutsalim dan Jaffary (2014) mengenai toleransi beragama dan kesannya terhadap Mahasiswa dan mahasiswi Muslim dan Buddha di Prince of Songkla University. Kajian tersebut meneliti tahap toleransi agama dalam beberapa aspek seperti pergaulan pelajar berbeza agama, sikap menghormati agama lain, sikap menghormati pandangan penganut agama lain dan sikap menghormati budaya penganut agama lain. Mutsalim dan Jaffary merumuskan bahawa toleransi agama dalam kalangan pelajar berada pada tahap tinggi. Yang pasti, sikap toleransi agama antara pelajar yang menganut agama Islam dan Buddha memberi implikasi yang baik dalam menjana masyarakat yang mempunyai toleransi agama.

Kajian Yang Marya dan Kamarudin (2014) mengupas aspek persefahaman agama melibatkan hubungan penganut Islam dan bukan Islam yang terkandung di dalam mata pelajaran pendidikan Islam berdasarkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Kajian tersebut meneliti beberapa nilai penting dalam hubungan antara agama, iaitu kasih sayang, berperikemanusiaan, kesederhanaan, kemuliaan, kehormatan manusia dan muafakat. Kajian merumuskan bahawa aspek persefahaman antara agama melibatkan hubungan penganut Islam dan bukan Islam mempunyai nilai-nilai universal yang dapat diterima oleh semua pihak walaupun agama berlainan.

Kajian Verkuyten et al. (2012) meneliti hubungan antara pengenalan agama dan kumpulan etnik serta identiti negara dalam kalangan ibu bapa dan remaja Morocco-Belanda yang beragama Islam. Jelasnya, remaja Morocco-Belanda yang beragama Islam ini menunjukkan pengenalan kebangsaan yang lebih tinggi dan pengenalan agama dan etnik yang lebih rendah berbanding ibu bapa mereka. Identiti agama ibu bapa dan anak-anak mereka memainkan peranan penting dalam pembangunan dan struktur remaja yang mempunyai pelbagai identiti. Ini menunjukkan bahawa identiti agama masih dikekalkan walaupun mereka berhijrah ke negara lain yang majoritinya beragama Kristian.

Kajian Rahimin et al. (2011) mengenai realiti dan prospek dialog antara agama di Malaysia. Kajian ini meneliti senario hubungan agama masyarakat

Malaysia yang berdepan dengan pelbagai konflik dan melihat peranan dialog antara agama sebagai alternatif penyelesaian kepada konflik yang berlaku. Kajian merumuskan bahawa proses dialog agama dalam konteks Malaysia semasa masih boleh diperbaiki kerana mempunyai banyak kelemahan terutama oleh kedua-dua pihak pengikut Islam dan bukan Islam. Ini kerana walau pun kemerdekaan dicapai melebihi 50 tahun tetapi tahap perpaduan antara kaum dan agama masih berada dalam keadaan yang rapuh.

Kajian Mansor (2010) mengupas hubungan dua etnik terbesar di Malaysia, iaitu Melayu dan Cina yang kedua-dua etnik tersebut pernah terlibat dalam beberapa insiden yang membawa kepada ketegangan sosial seperti Peristiwa 13 Mei 1969 dan Kes Hartal di Pulau Pinang pada tahun 1967. Kajian Mansor merumuskan bahawa hubungan etnik di Malaysia masih lagi baik, tidak seperti yang cuba digambarkan oleh pelbagai pihak lain. Sementara hubungan antara etnik Melayu dan Cina adalah baik dan batas etniknya menipis. Selain itu, kedua-dua etnik tersebut telah membina ikatan dan hubungan sosial yang sudah merentas kumpulan etnik masing-masing. Beliau menegaskan bahawa tumpuan perlu diberikan kepada perbezaan jurang golongan kaya dan miskin akibat perkembangan aspek pendidikan, modenisasi dan pembentukan kelas menengah kerana ia mampu mewujudkan konflik etnik dan agama sekiranya tidak diuruskan dengan baik. Dengan kata lain bukan sahaja perbezaan nilai dan fahaman agama tetapi struktur kepentingan ekonomi-politik atau kedudukan material dan kuasa boleh mempengaruhi hubungan etnik dan seterusnya hubungan antara agama. Ini kerana agama merupakan sebahagian besar komponen penting dalam pembentukan konstruk etnik.

Kajian Mohd Ridhuan (2010) memberi fokus kepada cabaran integrasi antara etnik. Beliau mengupas pengaruh agen sosio politik, iaitu sejarah, institusi keluarga dan pendidikan yang dilalui meninggalkan kesan terhadap hubungan antara etnik di Malaysia. Beliau merumuskan bahawa faktor sosio-politik perkauman melahirkan sentimen perkauman yang tinggi. Selain itu, perjuangan menuntut kepentingan etnik merupakan matlamat utama berbanding perjuangan untuk kepentingan nasional kerana kebanyakan pemimpin menuntut keadilan berdasarkan konsep sama rata dan sama rasa.

Kajian Argon (2009) mengupas kaedah yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai strategi oleh pertubuhan minoriti Islam dengan menggunakan kumpulan kecil golongan muslim untuk memperkasakan program samada dialog antara agama dan sesama agama. Kaedah yang diketengahkan itu bertujuan untuk meningkatkan hubungan hubungan baik antara orang Islam dan Kristian, selain meningkat perpaduan seluruh minoriti muslim. Oleh itu, Argon telah mencadangkan enam langkah yang boleh digunakan pertubuhan minoriti muslim, iaitu merekodkan strategi semasa, mengenal pasti masalah, menentukan elemen teras, menyediakan alternatif, menilai alternatif dan memilih strategi baru. Namun, kajian ini tidak menyentuh mengenai peranan golongan belia dalam pertubuhan agama dalam menjayakan dialog antara agama.

Kajian Moore (2008) memberi tumpuan kepada kesan persepsi individu terhadap ketidakaksamaan agama di tempat kerja di Amerika yang mana majoriti penduduknya menganut agama Kristian. Jelasnya, apabila seseorang itu menganggap perbezaan agama yang lebih besar dengan rakan sekerja, maka akan wujud persepsi bahawa kurang kesepaduan dalam kalangan rakan sekerja. Ia secara tidak langsung menyukarkan mereka untuk berkerja bersama-sama. Moore merumuskan perbezaan persepsi terhadap agama dalam kalangan pekerja merupakan perkara yang wujud di tempat kerja.

## METODOLOGI DAN DEMOGRAFI RESPONDEN

Reka bentuk penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Kajian ini hanya melibatkan dua negeri Semenanjung Malaysia, iaitu Selangor dan Pulau Pinang. Pemilihan kedua-dua lokasi kajian ini kerana terdapat pelbagai isu agama dan hubungan antara etnik yang tercetus sejak awal tahun 2010 hingga kini. Seramai 500 orang responden yang merupakan belia terlibat dalam kajian ini, iaitu masing-masing 250 responden di Selangor dan Pulau Pinang. Pemilihan responden adalah secara pensampelan mudah (convenience), iaitu golongan belia yang berumur 18 hingga 40 tahun (47.2 peratus lelaki dan 52.8 peratus perempuan) di kawasan bandar di kedua-dua negeri tersebut yang mana ia bertepatan dengan pedefinisian belia dalam Dasar Pembangunan Belia Negara (Malaysia, 1997), iaitu belia berumur 15 hingga 40 tahun. Mereka terdiri daripada penganut agama Islam (56.8 peratus), Buddha (22.0 peratus), Kristian (6.6), Hindu (10.0 peratus) dan lain-lain (4.6 peratus). Majoriti responden berumur antara 18 hingga 25 tahun (63.0 peratus). Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan pakej statistik SPSS 21.0 for Windows.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### *Persepsi Belia Terhadap Hubungan Antara Agama*

Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 11 telah menjamin hak kebebasan beragama untuk semua warganegara Malaysia walaupun Islam merupakan agama bagi Persekutuan Malaysia (Perlembagaan Malaysia, 2009). Oleh itu, semua rakyat Malaysia perlu menghormati agama yang berbeza dalam kalangan mereka. Hasil kajian menunjukkan majoriti belia sangat ‘bersetuju’ bahawa mereka mesti menghormati kepercayaan dan amalan agama lain, iaitu 53.6 peratus manakala 39.2 peratus ‘setuju’. Ini menunjukkan lebih 90 peratus belia menerima bahawa kewujudan kepelbagaian agama di negara ini perlu diraikan dengan sebaik-baiknya. Yang pasti, penganut agama lain seperti Buddha, Hindu, Kristian, Sikh, Tao dan lain-lain bebas menjalankan program keagamaan tanpa sekatan mana-mana pihak di pusat ibadat masing-masing walaupun Islam merupakan agama persekutuan.

Aspek toleransi antara agama juga merupakan perkara yang perlu diberikan perhatian dalam masyarakat di Malaysia. Ini kerana, sejak tahun 2001 masyarakat Malaysia berdepan dengan beberapa insiden yang berkaitan dengan toleransi antara

agama yang membawa kepada ketegangan sosial di kalangan penganut agama yang berbeza (Ahmad Tarmizi, 2010). Hasil kajian menunjukkan majoriti belia, iaitu 53.0 peratus ‘sangat bersetuju’ bahawa setiap penganut agama perlu bertoleransi terhadap mereka yang berbeza agama. Jelasnya, sikap toleransi beragama merupakan satu pendekatan untuk menyelesaikan sebarang konflik yang berlaku (Mutsalim Khareng & Jaffary, 2014) . Selain itu, sebanyak 46.8 peratus ‘bersetuju’ dan 47.8 peratus ‘sangat bersetuju’ bahawa mereka perlu bersangka baik dengan rakan yang berbeza agama. Yang pasti, golongan belia perlu bertoleransi dan sentiasa bersangka baik terhadap rakan berlainan agama kerana sebarang prasangka yang wujud akan menimbulkan ketegangan antara agama pada masa depan.

Majoriti golongan belia juga suka berinteraksi dengan penganut yang lain, iaitu 52.8 peratus ‘bersetuju’ dan 38.2 ‘sangat bersetuju’. Interaksi antara penganut agama berbeza amat penting supaya golongan belia boleh mengenali antara satu sama lain. Interaksi sedemikian boleh berlangsung dalam pelbagai aktiviti yang disertai golongan belia misalnya ketika belajar, bersukan dan rekreasi, berpersatuan dan sebagainya. Jelasnya, proses interaksi antara kelompok berlainan agama akan memberi kesan kepada pengamalan nilai-nilai murni seperti bekerjasama, hormat-menghormati, bantu-membantu dan sebagainya. Menurut Siti Rohayu (2014) nilai-nilai positif mendorong kepada perubahan dan kemajuan akan menjadikan perkembangan sosial dan kemajuan negara lebih dinamik dan progresif. Yang lebih penting, agama itu sendiri memainkan peranan sebagai sebuah kod etika dan aturan moral yang dinamis serta menjadi pedoman bagi penganutnya (Ahmad Tarmizi Talib et al., 2013).

**Jadual 1: Persepsi Belia Terhadap Hubungan Antara Agama**

Bil.	Penyataan	Tidak Pasti	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	Saya mesti menghormati kepercayaan dan amalan agama lain	2.6	1.4	3.2	39.2	53.6
2	Setiap penganut agama perlu bertoleransi terhadap mereka yang berlainan agama	2.2	1.6	4.6	38.6	53.0
3	Saya bersangka baik dengan rakan berlainan agama	1.4	1.0	3.0	46.8	47.8
4	Saya suka berinteraksi dengan penganut agama lain	3.4	0.8	4.8	52.8	38.2
5	Saya suka membantu rakan berlainan agama	2.6	0.6	5.4	52.8	38.6
6	Saya boleh bekerja dengan penganut agama lain	1.8	0.4	4.6	52.0	41.2

Berdasarkan hasil kajian, sebanyak 52.8 peratus ‘bersetuju’ dan 38.6 peratus ‘sangat bersetuju’ belia suka membantu rakan berlainan agama. Hal ini

begitu penting kerana nilai-nilai tersebut merupakan nilai sejagat yang dikongsi bersama, merentasi pegangan agama dan etnik seseorang individu. Justeru, fahaman bahawa seseorang boleh menjalani kehidupan dengan hanya memerlukan bantuan penganut agama dan etnik sendiri adalah salah sama sekali.

### **Jadual 2: Tahap Persepsi Belia Terhadap Hubungan Antara Agama**

Tahap	Frekuensi	Peratus	Min	Sisihan Piawai
Negatif (6-18)	23	4.6	1.95	0.21
Positif (19-30)	477	95.4		

### **Jadual 3: Tahap Persepsi Belia Terhadap Hubungan Antara Agama Mengikut Agama**

Agama/ Tahap Persepsi	Positif		Negatif		Jumlah Responden
	n	(%)	n	(%)	
Islam	277	97.5	7	2.5	284
Buddha	101	91.8	9	8.2	110
Hindu	44	88.0	6	12.0	50
Kristian	32	97.0	1	3.0	33
Lain-lain	23	100.0	-	-	23

Hasil kajian juga menunjukkan sebanyak 52.0 peratus ‘bersetuju’ dan 41.2 peratus ‘sangat bersetuju’ bahawa mereka boleh berkerja bersama penganut agama yang berbeza. Apabila mereka berkerja bersama bermakna mereka berkongsi ruang pejabat dan menyiapkan tugas bersama-sama. Ini memberi peluang kepada untuk lebih berinteraksi antara satu sama lain. Secara keseluruhannya majoriti belia, iaitu seramai 477 (95.4 peratus) responden mempunyai tahap persepsi yang positif terhadap hubungan antara agama. Di samping itu, hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti penganut setiap agama mempunyai persepsi yang positif terhadap hubungan antara agama. Dari sudut modal sosial yakni nilai sepunya, kepercayaan dan keupayaan untuk membuat jaringan menamparkan hasil yang positif dan berguna untuk membina kesepadan sosial.

### **Kesediaan Belia Memahami Agama Lain**

Hubungan agama di Malaysia sering dikaitkan dengan kefahaman masyarakat terutama golongan belia mengenai agama lain. Oleh itu, kesediaan belia untuk memahami agama lain perlu menjadi tumpuan utama. Berdasarkan hasil kajian majoriti belia ‘bersetuju’, iaitu 56.2 peratus dan 30.2 peratus ‘sangat bersetuju’ untuk bertanya sekiranya mereka kurang faham sesuatu perkara yang berkaitan agama lain. Ini menunjukkan belia mempunyai minat untuk mengenali agama lain. Misalnya, di pusat pengajian tinggi para pelajar sering bergaul dengan rakan-rakan

pelbagai agama. Ini memberi ruang kepada mereka untuk bertanya perkara yang mengenai agama lain seperti dalam aspek pantang larang, upacara keagamaan, perayaan dan sebagainya.

Kefahaman mengenai agama lain juga boleh diukur terhadap kesediaan golongan belia untuk membeli bahan bacaan agama lain. Namun begitu, berdasarkan hasil kajian hanya 32.6 peratus belia yang ‘bersetuju’ dan 10.2 ‘sangat bersetuju’ bahawa mereka bersedia untuk membeli buku/bahan bacaan berkaitan agama lain. Ini menunjukkan masih ramai belia yang belum bersedia untuk membelanjakan sebahagian pendapatan untuk membeli bahan ilmiah agama lain. Tanpa bahan bacaan seperti ini golongan belia agak sukar untuk menimba ilmu mengenai agama lain. Jelasnya, setiap individu perlu mempelajari sekurang-kurangnya perkara asas dalam agama lain. Tambahan pula, mereka yang berminat untuk mempelajari agama lain ini boleh membeli buku/bahan bacaan dengan lebih mudah, iaitu secara atas talian sahaja tanpa perlu ke kedai buku.

Perbincangan mengenai agama lain juga merupakan salah satu mekanisme untuk memahami agama lain. Majoriti belia bersedia untuk berbincang mengenai agama lain, iaitu 48.6 peratus ‘bersetuju’ dan 18.4 peratus ‘sangat bersetuju’. Ini menunjukkan golongan belia bersedia untuk bertukar pandangan mengenai agama lain. Perkara ini secara tidak langsung memberi peluang kepada mereka untuk bertanya mengenai sesuatu perkara dalam agama lain. Yang pasti, perbincangan ini tidak semestinya berlangsung dalam suasana yang formal tetapi ia boleh dijalankan secara tidak formal seperti di restoran, taman rekreasi dan sebagainya. Dengan itu, mereka yang terlibat dalam perbincangan boleh mengenali antara satu sama lain yang berbeza agama dengan lebih mudah.

**Jadual 4: Kesediaan Belia Memahami Agama Lain**

Bil.	Penyataan	Tidak Pasti	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	Saya bersedia untuk bertanya sekiranya kurang faham sesuatu perkara yang berkaitan agama lain	3.4	1.8	8.4	56.2	30.2
2	Saya bersedia untuk membeli buku/bahan bacaan berkaitan agama lain	15.8	8.2	33.2	32.6	10.2
3	Saya bersedia untuk berbincang mengenai agama lain	8.4	4.2	20.4	48.6	18.4
4	Saya bersedia untuk menghadiri majlis ilmu yang diadakan di rumah ibadat lain (contoh: syarahan/ceramah/dialog)	12.0	13.2	30.4	32.6	11.8
5	Saya bersedia menghadiri majlis perayaan agama lain	7.4	8.2	21.0	45.0	18.4

6	Saya bersedia ditegur sekiranya memberi pandangan yang kurang tepat mengenai agama lain	6.0	4.0	12.0	50.2	27.8
---	---	-----	-----	------	------	------

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa masih lagi ramai belia yang tidak bersedia untuk menghadiri majlis ilmu yang diadakan di rumah ibadat lain, iaitu 30.4 peratus ‘tidak bersetuju’ dan 13.2 peratus ‘sangat tidak bersetuju’. Melalui penyertaan dalam program dialog/syarahan/ceramah pelbagai agama, masyarakat pelbagai etnik di Malaysia berpeluang bertukar pandangan dan secara tidak langsung mampu mencari titik persamaan yang terdapat dalam agama yang berbeza misalnya nilai-nilai murni sejagat yang menjadi pegangan semua agama. Menurut Rahimin et al. (2011) dialog antara agama merupakan jambatan untuk membina keharmonian antara kaum dalam konteks masyarakat Malaysia walaupun masih mempunyai banyak kelemahan yang perlu diperbaiki bersama oleh kedua-dua pihak pendialog terutama daripada penganut Islam dan bukan Islam. Hakikatnya, masyarakat Malaysia pada hari ini seringkali melihat perbezaan yang wujud dalam kepelbagaian agama tersebut. Sekiranya perkara sedemikian berterusan maka masyarakat pelbagai etnik akan sering bertelagah antara satu sama lain. Satu perkara yang memungkinkan kesediaan memahami agama lain adalah bukan menggunakan pandangan dunia agama sendiri untuk memahami agama lain tetapi menggunakan acuan pandangan dunia agama lain untuk memahami agama lain. Misalnya, penganut agama Hindu menggunakan pandangan dunia teori kitaran hidup (dunia sebelum, dunia semasa dan dunia akan datang dan pusingannya) untuk memahami agama Islam yang menggunakan teori linear (dunia semasa dan akhirat) maka semestinya fahamannya adalah bias.

Selain itu, majoriti golongan belia bersedia untuk menghadiri majlis perayaan agama lain yang mana 45.0 peratus ‘ersetuju’ dan 18.4 ‘sangat bersetuju’. Ini menunjukkan kebanyakkan belia sudah terbuka untuk belajar dan memahami perayaan agama lain. Hal ini begitu penting kerana setiap kelompok etnik mempunyai sistem kepercayaan masing-masing, ada perayaan masing-masing dan ada pantang larang masing-masing (Shamsul, 2008). Tambahan pula, kebanyakkan hari perayaan tersebut diumumkan sebagai hari cuti umum. Cuti umum tersebut bukan sahaja sebagai menghormati mereka yang menyambut perayaan malah turut memberi peluang kepada masyarakat lain untuk melihat sendiri sambutan perayaan tersebut. Misalnya, pada hari tersebut pelbagai pihak akan mengadakan rumah terbuka untuk dihadiri masyarakat pelbagai etnik sempena perayaan tersebut.

#### **Jadual 5: Tahap Kesediaan Belia Memahami Agama Lain**

Tahap	Frekuensi	Peratus	Min	Sisihan Piaawai
Rendah (6-14)	50	10.0	2.09	0.53
Sederhana (15-24)	354	70.8		
Tinggi (25-30)	96	19.2		

**Jadual 6: Tahap Kesediaan Belia Memahami Agama Lain  
Mengikut Agama**

Agama/ Persepsi	Tahap	Rendah		Sederhana		Tinggi		Jumlah Responden
		n	(%)	n	(%)	n	(%)	
Islam	36	12.7		211	74.3	37	13.0	284
Buddha	9	8.2		73	66.4	28	25.5	110
Hindu	2	4.0		29	58.0	19	38.0	50
Kristian	1	3.0		26	78.8	6	18.2	33
Lain-lain	2	8.7		15	65.2	6	26.1	23

Majoriti golongan belia juga bersetuju untuk ditegur sekiranya memberi pandangan yang kurang tepat mengenai agama lain, iaitu sebanyak 50.2 peratus ‘bersetuju’. Hal ini menunjukkan golongan belia ini berfikiran matang dan terbuka dalam membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan agama. Jelasnya, dalam masyarakat pelbagai etnik salah faham terhadap agama lain sering kali berlaku. Kesalahfahaman yang berlarutan ini perlu diperbetulkan oleh pihak yang bertanggungjawab. Sekiranya ia tidak diselesaikan maka salah faham antara agama sering menjadi isu besar yang boleh menimbulkan kecelaruan dalam masyarakat. Secara keseluruhannya majoriti belia, iaitu seramai 354 (70.8 peratus) responden mempunyai tahap kesediaan yang sederhana dalam memahami agama lain. Selain itu, hasil kajian menunjukkan majoriti belia semua agama mempunyai tahap kesediaan yang sederhana untuk memahami agama lain. Ini menunjukkan pelbagai usaha masih perlu dilakukan supaya golongan belia mempunyai kesediaan yang tinggi dalam memahami agama yang berbeza.

### **KESIMPULAN**

Di Malaysia, agama sukar dilihat sebagai perkara yang bersifat peribadi seperti mana yang difahami secara meluas di Barat. Ia merupakan satu fenomena yang merangkumi nilai-nilai dan amalan secara kolektif di kalangan masyarakat (Ahmad Tarmizi, 2010). Ini ditambah pula dengan sifat etnik di negara ini yang mana pengenalan sesuatu etnik berkait dengan sesuatu agama. Oleh itu, agama sering menjadi isu utama dalam sebarang ketegangan hubungan antara etnik di Malaysia.

Realitinya, kebelakangan ini masyarakat Malaysia sering dihidangkan dengan pelbagai konflik agama dan etnik. Perkara tersebut semakin buruk sehingga rumah ibadat pelbagai agama dicerobohi dan diserang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Menurut Mansor (2010) masalah agama yang melibatkan pelbagai agama dan etnik ini perlu segera diurus bagi mengelak salah faham terus menerus terjadi kerana akhirnya ia akan melahirkan persepsi negatif terhadap mereka yang terlibat di dalam masyarakat.

Jelasnya, golongan belia perlu diberikan pendedahan yang sewajarnya mengenai kepentingan memahami agama lain dan memupuk sikap toleransi. Menurut Mutsalim & Jaffary (2014) sikap toleransi agama perlu diberi perhatian terutama dalam kalangan mahasiswa kerana golongan ini merupakan penentu masyarakat pada masa depan. Selain itu, mereka perlu menerima hakikat struktur masyarakat di negara ini begitu kompleks kerana kepelbagaiannya. Oleh itu, proses penerimaan terhadap kepelbagai agama di negara ini perlu dipupuk bermula di sekolah rendah lagi. Yang pasti, golongan belia perlu diberikan kesedaran bahawa mereka bakal berdepan dengan pelbagai cabaran sebagai pemimpin pelapis dalam masyarakat multi etnik seperti Malaysia.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia kerana membiasai kajian ini selama setahun bermula Februari 2014 sehingga Februari 2015.

## RUJUKAN

- Ahmad Tarmizi Talib. 2010. *Socio-Religious Tolerance: Malaysia As A Case Study*. Ph.D Thesis, University of Wales, Lampeter.
- Ahmad Tarmizi Talib, Sarjit Singh Gill, & Nazri Muslim. 2013. Agama dan Hubungan Etnik di Malaysia. In Zaid Ahmad et al. (Ed.), *Hubungan Etnik di Malaysia* (Edisi Ketiga). Shah Alam: Oxford Fajar.
- Argon, K. 2009. Strategies for Interreligious and Inter-Muslim Dialogue: A Proposed Methodology. *Journal of Muslim Minority Affairs*, 29, 355–367.
- Insiden Bakar Gereja Di Desa Melawati Dikutuk. 2010. *Mstar*.
- Kamaruddin M. Said. 2002. Etnisiti atau Anomie? Analisis Sosiologikal Peristiwa Pergaduhan Beramai-ramai di Petaling Jaya Selatan. *Akademika*, 60(Januari), 21–39.
- Mahfuzah Zohdi, Awang, J., & Yusri Mohamad Ramli. 2014. Aktiviti dialog antara agama di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya. In Muhammad Adib Samsudin, Maheram Ahmad, L. A. Majid, A. Y. M. Nor, R. M. Rasit, Z. Mohamed, & Z. M. Kusrin (Eds.), *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2014)* (pp. 164–171). Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Malaysia. Dasar Pembangunan Belia Negara. 1997. Putrajaya: Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

- Mansor Mohd Noor. 2010. Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini: Buta dengan Perubahan Realiti Sosial Negara. *Jurnal Demokrasi*, 9(2), 185–207.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2010. Cabaran Integrasi Antara Kaum Di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga Dan Pendidikan. *Jurnal Hadhari*, 3, 61–84.
- Moore, T. W. 2008. Do perceived differences in religion matter at work? *Culture and Religion*, 9, 267–286.
- Mutsalim Khareng, & Jaffary Awang. 2014. Toleransi Beragama dan Implikasinya dalam kalangan Mahasiswa/i Muslim dan Buddha di Prince of Songkla University. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(2), 1–14.
- Perlembagaan Malaysia*. 2009. Petaling Jaya.
- Pintu Utama Gereja SIB Seremban 2 Dibakar. 2010. *Mstar*.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail, & Nor Hayati Mohd Dahlal. 2011. Dialog antara agama: Realiti dan Prospek di Malaysia. *Kajian Malaysia*, 29(2), 91–110.
- Shamsul Amri Baharudin. 2008. *Hubungan Etnik di Malaysia: Mencari dan Mengelak Kejernihan dalam Kekeruhan*. Kertas Kajian Etnik UKM, Bil.1, November 2008. Bangi: Institut Kajian Etnik (KITA) UKM.
- Shamsul Amri Baharudin. 2014. Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan: Satu Negara, Satu Kata Akar, Tiga Konsep Keramat. In *Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan: Perkongsian Pengalaman* (pp. 1–10). Putrajaya.
- Siti Rohayu Mohamad. 2014. Melahirkan Rakyat Malaysia Dengan Penghayatan Nilai (PPPM 2013-2025). In *International Seminar On Global Education II* (pp. 2932–2945). Bangi: Penerbit UKM.
- Verkuyten, M., Thijs, J., & Stevens, G. 2012. Multiple Identities and Religious Transmission: A Study Among Moroccan-Dutch Muslim Adolescents and Their Parents. *Child Development*, 83(5), 1577–1590.
- Yang Marya Abd Khahar, & Kamarudin Salleh. 2014. Aspek Persefahaman Antara Agama Di Dalam Pendidikan Islam. In *International Seminar On Global Education II* (pp. 2107–3120). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia & Universitas Ekaakti Padang, Indonesia.

**Profil Penulis:**

**Sarjit S. Gill, PhD.**

*Profesor Madya*

*Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan*

*Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)*

*Merangkap*

*Ahli Lembaga Penasihat Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)*

*Ahli Institut Integriti Malaysia (IIM)*

[sarjit@upm.edu.my](mailto:sarjit@upm.edu.my)

**Ahmad Tarmizi Talib, PhD**

*Profesor Madya*

*Ketua Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan*

*Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)*

*Merangkap*

*Ahli Lembaga Penasihat Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)*

[tarmizi@upm.edu.my](mailto:tarmizi@upm.edu.my)

**Razaleigh Muhamat @ Kawangit, PhD.**

*Profesor Madya*

*Ketua Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan*

*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*

[zaliegh@yahoo.com](mailto:zaliegh@yahoo.com)

**Mohd Razali Harun, MSc**

*Calon PhD (Politik dan Kerajaan)*

*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan*

*Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)*

[mohdrnazaliharun83@gmail.com](mailto:mohdrnazaliharun83@gmail.com)